



LAWATAN RASMI YB MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN KE MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN, PERAK



Pada 2 Jun 2020, YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengadakan lawatan kerja ke Majlis Perbandaran Teluk Intan, Perak. Dalam lawatan ini, beliau telah dibawa melawat dua kawasan iaitu Gerai Rakyat di Langkap dan juga cadangan tapak Pasar Awam Hutan Melintang.

Dalam lawatannya di Gerai Rakyat Langkap, YB Zuraida telah menyuarakan pandangannya bahawa pasar yang sudah berusia lebih 40 tahun itu harus dinaik taraf sesuai dengan polisi Kementerian yang memberi penekanan kepada pembangunan yang boleh menjana ekonomi setempat. Justeru, beliau telah mengumumkan sejumlah RM1 juta peruntukan untuk kerja-kerja awal penaitarfan gerai tersebut. Apabila dinaik taraf kelak, Gerai Awam Langkap dijangka akan mampu menempatkan lebih 40 peniaga berbanding sekarang yang mana ia hanya menempatkan 15 peniaga.



Bagi Pasar Awam Hutan Melintang, secara perinsipnya YB Zuraida bersetuju untuk membina satu pasar awam yang baharu bagi menggantikan Pasar Awam sedia ada yang terletak di Bandar Hutan Melintang. Namun, beliau memohon satu kajian lanjut yang terperinci dibuat bagi memastikan usaha tersebut benar-benar

memberi impak yang baik kepada pembangunan setempat. Kedua-dua projek di Gerai Awam Langkap dan Pasar Awam Hutang Melintang dijangka akan menelan belanja sebanyak RM5 juta.

Dalam lawatan ini juga, YB Zuraida turut menyentuh mengenai satu lagi perkara kritikal iaitu pengurusan sisa pepejal. Di Teluk Intan, terdapat satu lokasi pengurusan sampah yang tidak diuruskan secara sistematik iaitu di Batu 7½. Sehubungan itu, YB zuraida mencadangkan agar dibina satu insinerator yang kecil yang boleh menampung 170 tan sampah dan usaha ini akan direalisasikan oleh operator yang terpilih yang mana mereka akan mengeluarkan modal untuk pembinaan dan sebagainya dan sebagai timbal balik kepada usaha tersebut, tempoh pajakan kepada operator akan dipanjangkan bagi membolehkan mereka berpeluang untuk menjana keuntungan daripada pengurusan sisa pepejal tersebut. Usaha ini difikirkan perlu agar sistem perlupusan sisa pepejal di seluruh Teluk Intan dapat diurus dengan baik, bersih dan berteknologi tinggi.

Sumber: Unit Komunikasi Korporat